

1. Imran berasa sungguh _____ apabila kesilapannya dahulu telah menconteng arang ke muka ibu bapanya.
A. menyesal
B. geram
C. kecewa
D. bimbang
2. "Boleh _____ tolong ambikan buku saya di bilik guru?" Tanya Cikgu Rahimah kepada Syafinaz.
A. mereka
B. dia
C. kamu
D. anda
3. Beruang itu berjaya menangkap _____ ikan di sungai.
A. sebatang
B. seekor
C. sebuah
D. sebiji
4. Laila _____ pokok herba kesayangannya di halaman rumah.
A. memercik
B. menyiram
C. menuang
D. menghirup
5. Kompang ialah _____ tradisional Melayu.
A. alat memburu
B. alat permainan
C. alat memasak
D. alat muzik
6. Setiap perbuatan yang kita lakukan pasti akan menerima balasan yang setimpal.
A. baik
B. manis
C. buruk
D. berani
7. Sakinah _____ anak kucing yang telah diselamatkan pada minggu lepas.
A. menggaru
B. membelai
C. mencucuk
D. memukul

8. Maharaja Maggal bersemayam di atas _____ dan dihadap oleh segala menteri.
A. peraduan
B. makam
C. singgahsana
D. bahtera
9. ***Adat Melayu tidak akan lenyap ditelan arus permodenan kerana itulah identiti masyarakat Melayu.***
Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah
A. kacang lupkan kulit
B. hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.
C. tempat jatuh lagi dikenang inikan pula tempat bermain.
D. tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
10. Sikap terburu-buru dan tidak sabar ketika memandu membawa padah kepada semua pengguna jalan raya yang lain.
*Pilih perkataan **sinonim** bagi terburu-buru.*
A. tergesa-gesa
B. tertahan-tahan
C. tersangkut-sangkut
D. tersipu-sipu
11. Keberanian yang ditunjukkan oleh Azli melawan peragut itu telah mendapat pujian daripada orang sekeliling.
*Pilih perkataan **antonim** bagi keberanian.*
A. ketakutan
B. keletihan
C. kekuatan
D. kegelisahan
12. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.
Pelbagai pihak seperti keluarga, guru, kawan-kawan, pihak berkuasa dan masyarakat sekeliling seharusnya menangani masalah sosial remaja.
A. Apakah yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menangani masalah sosial remaja?
B. Bilakah pelbagai pihak perlu menangani masalah sosial remaja?
C. Apakah kempen yang boleh dilakukan untuk menangani masalah sosial remaja?
D. Siapakah yang seharusnya menangani masalah sosial remaja?

13. Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.
Marsha menolak untuk melakukan kerja itu kerana bayaran yang dikenakan tidak berpatutan.
- A. Oleh sebab bayaran yang tidak setimpal Marsha menolak untuk melakukan kerja itu.
 - B. Kerja itu tidak akan dibuat oleh Marsha kerana bayarannya sedikit.
 - C. Marsha tidak membuat kerja kerana bayarannya tidak tinggi.
 - D. Disebabkan bayaran yang sedikit, Marsha tidak mahu meneruskan kerjanya.

Pilih ayat yang **betul**.

14.
 - A. Kebaya Jawa yang dipakai oleh Harsha bermotifkan parang.
 - B. Semua model memakaikan pakaian tradisional Melayu.
 - C. Pertandingan yang disertai Shida ialah memperagakan baju kurung moden.
 - D. Baju Melayu teluk belanga berasal daripada Johor.
15.
 - A. Encik Hafizi menjalankan perusahaan minuman sejuk beku.
 - B. Telefon pintar yang digunakan kini telah banyak mempengaruhi minda masyarakat.
 - C. Kita mestilah menghargai petroleum dan gas asli yang semakin berkurangan.
 - D. Perubahan iklim yang tidak menentu ini disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri.